

Pengesahan Pakar Bagi Elemen Keseimbangan Masa Dalam Pengurusan Keseimbangan Kerja Kehidupan Guru Sekolah Menengah di Malaysia

Mohd Azizul Adni, Zuraidah Abdullah dan Ramlan Mustapha

Abstrak - Pengurusan keseimbangan kerja kehidupan merupakan perkara yang amat dititik beratkan di dalam sistem pendidikan dalam melahirkan guru sekolah menengah yang kompeten. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pandangan dan kesepakatan pakar terhadap keperluan elemen keseimbangan masa dalam instrumen pengurusan kerja kehidupan terhadap guru sekolah menengah di Malaysia. Pendekatan kajian kuantitatif digunakan iaitu menggunakan instrumen soal selidik yang akan diberikan kepada pakar. Bilangan pakar yang terlibat adalah seramai 9 orang. Kriteria penentuan pakar bagi kajian ini ialah individu yang terdiri daripada pensyarah dan guru yang telah berkhidmat melebihi 5 tahun di dalam pengajaran, pembelajaran dan pengurusan sekolah. Segala data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. Hasil dapatan kajian menunjukkan semua item di dalam elemen keseimbangan masa menepati syarat, iaitu nilai *threshold* (dkonstruk) adalah kurang daripada 0.2 dan peratusan kumpulan pakar adalah melebihi 75%. Hal ini menunjukkan bahawa semua item di dalam elemen keseimbangan masa diperlukan oleh para guru sekolah menengah di Malaysia berdasarkan kesepakatan pakar.

Kata kunci – Keseimbangan kerja kehidupan, Keseimbangan masa, Teknik *Fuzzy Delphi*

I. PENDAHULUAN

Menurut Guest, Greenhaus, Collins dan Shaw (2003), keseimbangan kerja kehidupan ialah “Pemeriksaan, keseimbangan kehidupan kerja akan memerlukan penilaian masa, penglibatan, dan keahlian komuniti. Adalah berguna untuk mengkaji keseimbangan antara kerja dan agregat peranan kehidupan lain serta keseimbangan antara peranan tertentu bersama pasangan.” Menurut Lockwood (2003) “Keseimbangan kehidupan kerja sebagai keseimbangan yang termaktub di mana tuntutan kedua-dua pekerjaan dan kehidupan peribadi adalah sama. Keseimbangan kerja kehidupan daripada sudut pandang pekerja adalah dilema mengurus kewajipan kerja dan tanggungjawab peribadi dan keluarga. Keseimbangan kerja kehidupan daripada majikan pula ialah cabaran untuk mewujudkan budaya syarikat yang menyokong pekerja boleh memberi tumpuan kepada pekerjaan mereka semasa di tempat kerja.” Dua pernyataan ini memberikan satu kesimpulan iaitu keseimbangan tuntutan di dalam pekerjaan dan kehidupan individu adalah sama. Para pekerja berpendapat keseimbangan kerja

kehidupan adalah pilihan mengurus kerja dan tanggungjawab peribadi terhadap keluarga. Ironinya, majikan berpandangan satu cabaran untuk mewujudkan budaya menyokong dalam organisasi di mana pekerja boleh memberi tumpuan kepada kerja mereka. Justeru, berdasarkan definisi tersebut keseimbangan kerja kehidupan dapat disimpulkan sebagai keseimbangan di antara masa, emosi dan sikap terhadap tuntutan kerja (organisasi) dan kehidupan seseorang di luar pekerjaan. Kehidupan luar pekerjaan merangkumi kehidupan keluarga, kehidupan sosial, kehidupan rohani, hobi, kesihatan, rekreasi dan pembangunan diri. Oleh yang demikian sebagai seorang pekerja, keseimbangan kerja kehidupan guru dapat dicapai melalui indikator seperti keseimbangan dalam pengurusan masa.

Pengurusan masa yang seimbang antara kerjaya dan kehidupan perlu dalam melahirkan guru yang sihat dan cerdas. Namun begitu, kajian mendapati pengurusan masa berkait rapat dengan tekanan yang dihadapi guru di sekolah. Kajian daripada Ramakrishnan dan Amir (2019) menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan guru ialah pengurusan masa, beban kerja, kerenah murid dan tahap tekanan kerja guru di sekolah. Tidak dinafikan pengurusan masa yang efisien menjadi pemangkin kesejahteraan kehidupan guru. Justeru, kesejahteraan di tempat kerja memainkan peranan penting dan tidak terkecuali juga di sekolah (Meht et al.; 2021). Kesejahteraan di tempat kerja sebenarnya dapat membentuk kawalan minda seseorang menuju ke arah memaksimumkan prestasi kerja serta potensi diri. Kesejahteraan hidup guru akan memberikan impak yang sangat besar terhadap bidang pendidikan di Malaysia.

II. PERNYATAAN MASALAH

Profesion keguruan bertanggungjawab dalam meningkatkan kecemerlangan murid dalam mencapai modal insan berkualiti. Justeru, kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti profesion perguruan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dilancarkan oleh kerajaan dalam usaha memastikan kualiti pendidikan dipertingkatkan. Anjakan keempat memperincikan usaha peningkatan kualiti guru iaitu guru mestilah memberi fokus kepada fungsi teras pengajaran mulai tahun 2013. Strategi yang telah digariskan ialah mengurangkan beban pentadbiran guru sekaligus meningkatkan laluan kerjaya guru untuk berperanan sebagai pemimpin, pakar bidang khusus dan pakar pengajaran menjelang 2016 (KPM, 2013). Sungguhpun begitu, peluang guru untuk maju masih dalam tahap yang rendah, kurangnya dorongan, pengiktirafan, tekanan, persekitaran kerja yang

Mohd Azizul Adni, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Malaysia (Alamat emel : mohdazizuladnihlp2021@gmail.com).
Zuraidah Abdullah, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Malaysia (Alamat emel : zuraidahab@um.edu.my).
Ramlan Mustapha, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Kampus Raub, Malaysia (Alamat emel : ramlan@uitm.edu.my).

tidak menyokong dan kurangnya pengurusan keseimbangan kerja kehidupan (Sahito & Vaisanen, 2017).

Kesan daripada pengabaian pengurusan keseimbangan kerja kehidupan guru mengakibatkan ketidak seimbangan dalam pengurusan kerja guru terutama elemen keseimbangan masa. Sebagai contoh, masa guru yang terhad dilihat berpunca daripada penggabungan kelas, jadual guru yang padat, beban tugas pengurusan dan keperluan untuk menghabiskan sukatan mengikut masa yang ditetapkan (Meht, 2022). Pertambahan jumlah jam bekerja yang tidak signifikan dengan purata jam bekerja yang disyorkan boleh menyebabkan ketidak seimbangan pengurusan kerja dan kehidupan para guru (Saad, 2018). Oleh yang demikian, sewajarnya golongan ini menyeimbangkan kerja dan kehidupan mereka agar kesihatan fizikal dan mental lebih terjamin. Justeru, pengkaji melihat terdapatnya keperluan untuk melihat elemen keseimbangan masa sebagai salah satu elemen penting di dalam pengurusan keseimbangan kerja kehidupan yang perlu ada untuk guru sekolah menengah di Malaysia.

III. SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur menunjukkan beberapa pendapat yang memberi pengertian kepada keseimbangan kerja kehidupan. Greenhaus et al. (2003) mendefinisikan keseimbangan kerja kehidupan sebagai 'jumlah masa dan tahap kepuasan terhadap kerja dan peranan keluarga'. Selain daripada itu, Clarke et al. (2004) menegaskan bahawa keseimbangan kerja kehidupan ialah 'keseimbangan atau mengekalkan keseluruhan rasa harmoni dalam kehidupan'. Oleh yang demikian, berdasarkan pengertian di atas pengkaji menyimpulkan bahawa keseimbangan kerja kehidupan ialah penggunaan masa seiring dengan tahap kepuasan kerja dan peranan keluarga dalam menatijahkan keseimbangan keharmonian dalam kehidupan.

Keseimbangan kerja kehidupan individu antara keluarga dan domain kerja melibatkan keseimbangan masa, keseimbangan penglibatan dan keseimbangan kepuasan (Arri Handayani et al., 2015). Tumpuan kepada domain kerja dan keluarga adalah penting kerana keluarga dan kerja adalah elemen terpenting dalam kehidupan setiap individu (Clark, 2000). Sebarang persaingan tuntutan kerja dan kehidupan keluarga akan menyebabkan konflik dan menjejaskan kesejahteraan pekerja (Akbar, 2017). Prestasi kerja yang baik dalam kalangan guru mempunyai hubungan signifikan dengan keseimbangan kehidupan (Izzati, 2021). Keseimbangan kerja kehidupan guru hanya boleh direalisasikan melalui keseimbangan masa, keseimbangan penglibatan dan keseimbangan kepuasan kerja keluarga (Greenhaus et al., 2003)

Keseimbangan masa merupakan elemen penting yang berkait rapat dengan pengurusan masa kerja dan kehidupan para guru. Justeru, keseimbangan masa guru bergantung kepada sejauh mana guru tersebut menguruskan masa mereka. Pengurusan masa bermaksud tingkah laku yang bertujuan untuk mencapai penggunaan masa yang berkesan sambil melaksanakan tujuan aktiviti tertentu (Hizan, 2020). Hizan (2020) juga menyatakan pengurusan masa guru adalah berfokuskan kepada beberapa aktiviti yang diarahkan secara bertujuan seperti melaksanakan tugas kerja atau tugas

akademik yang dilaksanakan dengan cara yang betul melalui pengurusan masa yang berkesan.

Pengurusan masa terbahagi kepada tiga faktor iaitu perancangan, mekanik masa dan keutamaan untuk organisasi (Macan, 1994). Faktor perancangan bermaksud seseorang perlu menetapkan matlamat seperti membuat jangka masa bila untuk menyelesaikan tugas yang diberi. Faktor mekanik masa pula didefinisikan sebagai tingkah laku yang biasanya berkaitan dengan menguruskan masa seperti membuat senarai kerja yang perlu dilakukan. Pengurusan mekanik masa bermula daripada tugas yang penting dan merancang bila untuk menyiapkan tugas hingga tugas selesai dilakukan. Faktor keutamaan untuk organisasi pula merujuk kepada keutamaan umum untuk organisasi di tempat kerja seseorang dan pendekatan tugas yang ditugaskan. Justeru, pengurusan masa yang baik dapat mengurangkan tekanan kerja (Mackenzie, 2009). Ini adalah kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara tekanan kerja dengan pengurusan masa (Branch, 2015). Oleh yang demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa penambahbaikan pengurusan masa boleh mengurangkan tekanan kerja terhadap guru (Hizan & Azreen, 2020). Hasilnya, tekanan kerja yang minima kepada warga guru dapat meningkatkan keseimbangan kerja kehidupan mereka. Kesimpulannya, dalam konteks guru sebagai pekerja sudah tentu keseimbangan kerja kehidupan perlu dicapai demi kesejahteraan diri, keluarga dan kerjaya dalam bidang yang diceburi.

IV. METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif melalui aplikasi *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Teknik ini diaplikasikan khusus untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap keperluan elemen keseimbangan masa. Selain daripada itu, teknik ini juga mampu mengenal pasti kedudukan setiap item dalam elemen keseimbangan masa berdasarkan konsensus pakar.

Bilangan Dan Kriteria Pakar

Dalam kajian yang menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*, sampel FDM adalah di antara 8 hingga 12 sekiranya sampel bersifat homogenous dan adalah mencukupi (Cavalli-Sforza, 1984). Begitu juga dengan pendapat Philip (2000) menyatakan sampel pakar di antara 7 hingga 12 orang. Di dalam kajian ini, jumlah pakar yang terlibat adalah seramai 9 orang. Semua pakar yang dipilih berupaya menjawab persoalan kajian ini berlandaskan pengalaman perkhidmatan melebihi 5 tahun terlibat secara langsung dengan pengajaran, pembelajaran dan pengurusan pendidikan (Berliner, 2004).

Soal Selidik Pakar

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data kuantitatif berkenaan keperluan elemen pengurusan keseimbangan kerja kehidupan bagi guru sekolah menengah di Malaysia. Penggunaan soal selidik adalah bertujuan untuk memenuhi kriteria dan syarat penggunaan FDM yang melibatkan penggunaan formula matematik bagi mendapatkan kesepakatan pakar. Instrumen yang digunakan oleh penyelidik adalah instrumen yang

dibina berdasarkan keperluan kajian penyelidikan. Instrumen asal soal selidik dibina melalui sorotan literatur yang berkaitan dengan pengurusan keseimbangan kerja kehidupan iaitu elemen keseimbangan masa sebanyak 28 item. Jadual 1 menunjukkan data-data untuk kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik berikut :

JADUAL I: BAHAGIAN SOAL SELIDIK

Elemen	Bil	Item
Keseimbangan Masa	1	menyediakan RPH sebelum bermula PdP berdasarkan tahap semasa pelajar
	2	menyediakan BBM sebelum bermula PdP berdasarkan tahap semasa pelajar
	3	melaksanakan PdP mengikut masa yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu
	4	menyediakan refleksi selepas berakhir sesi PdP
	5	menyediakan set soalan ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa
	6	menyediakan set skema ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa
	7	mengendalikan sesi ujian/peperiksaan mengikut masa di dalam takwim peperiksaan dan arahan peperiksaan semasa
	8	menanda jawapan peperiksaan mengikut skema yang dibekalkan
	9	memasukkan markah peperiksaan bagi tujuan analisa dan rekod
	10	merancang pengoperasian hal ehwal murid di sekolah
Keseimbangan Masa	11	mengurus pengoperasian hal ehwal murid di sekolah
	12	mengenal pasti dan menyelesaikan isu berkaitan kebajikan murid di sekolah
	13	menyelia bilik khas hal ehwal murid di sekolah
	14	menguruskan aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang keceriaan, kebersihan, kesihatan dan keselamatan
	15	mendokumentasikan aktiviti hal ehwal murid di sekolah
	16	merancang aktiviti kokurikulum sekolah
	17	melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah
	18	merancang aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang kokurikulum
	19	menyelia bilik khas kokurikulum sekolah
	20	mendokumentasikan aktiviti kokurikulum sekolah
	21	menghadiri program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun
	22	merekodkan kehadiran program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun di dalam Sistem SPLKPM
	23	rehat selepas selesai menguruskan perkara berkaitan tugas di sekolah
	24	beriadah bagi mengekalkan kecergasan diri
	25	beribadah mengikut kepercayaan agama masing-masing
	26	bersosial dengan komuniti tempat tinggal masing-masing
	27	menguruskan rumah tangga bersama pasangan di rumah
	28	menguruskan pendidikan anak-anak bersama pasangan di rumah

Kesahan Dan Keboleh Percayaan Item Soal Selidik

Untuk melaksanakan FDM dalam kajian ini, pengkaji terlebih dahulu menentukan dan menyusun item-item yang dihasilkan menerusi literatur berkaitan elemen keseimbangan masa secara berjadual yang boleh dikuasai oleh panel pakar. Setelah itu, pengkaji menyerahkan soal selidik ini kepada pakar yang bersetuju untuk memberi

sumbangan kepakaran mereka dalam menyatakan idea, mengkritik dan menambah baik kandungan item yang telah ditentukan oleh pengkaji. Setelah panel pakar berpuas hati dengan soal selidik tersebut, mereka akan mengesahkan semakan melalui borang yang diberikan.

Tatacara Penganalisaan Data

Di dalam penggunaan FDM bagi sesuatu kajian, terdapat langkah yang perlu dipatuhi agar kajian ini dianggap kajian yang emperikal. Turutan langkah yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :

Langkah 1: Anggapan bahawa pakar A dijemput untuk menentukan kepentingan bagi kriteria penilaian terhadap pemboleh ubah yang akan diukur dengan menggunakan pemboleh ubah linguistik.

Langkah 2: Menukarkan ke semua pemboleh ubah linguistik ke dalam penomboran segitiga Fuzzy (triangular Fuzzy nombor). Andaikan nombor fuzzy r_{ij} adalah pemboleh ubah untuk setiap kriteria untuk pakar K untuk $i=1, \dots, m, j=1, \dots, n, k=1, \dots, k$ dan $r_{ij} = 1/K (r^1_{ij} \pm r^2_{ij} \pm r^K_{ij})$

Jadual II menunjukkan skala Fuzzy yang merangkumi pemboleh ubah linguistik menunjukkan bagi 5 skala di dalam kaedah Fuzzy Delphi.

JADUAL II: SKALA FUZZY

Pemboleh ubah linguistik	Skala Fuzzy
Teramat tidak setuju	(0.0, 0.0, 0.1)
Sangat tidak setuju	(0.0, 0.1, 0.3)
Tidak setuju	(0.1, 0.3, 0.5)
Sederhana Setuju	(0.3, 0.5, 0.7)
Setuju	(0.5, 0.7, 0.9)
Sangat Setuju	(0.7, 0.9, 1.0)
Teramat setuju	(0.9, 1.0, 1.0)

Langkah 3: Bagi setiap pakar, gunakan kaedah vertex untuk mengira jarak di antara purata r_{ij} . (Chen, 2000). Jarak bagi dua nombor Fuzzy $m = (m_1, m_2, m_3)$ dan $n = (n_1, n_2, n_3)$ dikira menggunakan rumus :

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Langkah 4: Menurut Cheng dan Lin (2002), jika jarak di antara purata dengan data penilaian pakar adalah kurang daripada nilai *threshold* 0.2, maka semua pakar-pakar dianggap telah mencapai konsensus. Selain itu, dalam kalangan pakar $m \times n$, jika peratusan mencapai konsensus kumpulan adalah lebih daripada 75% (Chu & Hwang, 2008; Murry dan Hammons, 1995), seterusnya pergi ke langkah 5. Jika data sebaliknya didapati, pusingan kedua Fuzzy Delphi Method perlu dilakukan atau item tersebut dibuang.

Langkah 5: Agregat penilaian Fuzzy dengan :

$$\bar{A} = \begin{bmatrix} \bar{A}_1 \\ \bar{A}_2 \\ \vdots \\ \bar{A}_m \end{bmatrix}$$

$i = 1, \dots, m$

Langkah 6: Bagi setiap pilihan alternatif, penilaian Fuzzy $A_i = (m_1, m_2, m_3)$ di defuzzication dengan $A = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$. Alternatif turutan pilihan ranking boleh ditentukan mengikut kepada nilai a_i .

V. DAPATAN

Jadual III memaparkan item-item Elemen Keseimbangan Masa yang merangkumi item tugas hakiki akademik, hal ehwal murid, kokurikulum, profesionalisma, tanggung jawab diri dan keluarga, hubungan komuniti, keperluan jasmani dan penghayatan agama.

JADUAL III: DAPATAN AKHIR ITEM-ITEM UTAMA BAGI ELEMEN KESEIMBANGAN MASA YANG TELAH MELALUI KESEPAKATAN DAN CADANGAN DARIPADA PAKAR

BIL	ELEMEN KESEIMBANGAN MASA Guru memperuntukkan masa untuk :
1	menyediakan RPH sebelum bermula PdPC berdasarkan tahap semasa pelajar
2	menyediakan BBM sebelum bermula PdPC berdasarkan tahap semasa pelajar
3	melaksanakan PdPC mengikut masa yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu
4	menyediakan refleksi selepas berakhir sesi PdPC
5	menyediakan set soalan ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa
6	menyediakan set skema ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa
7	mengendalikan sesi ujian/peperiksaan mengikut masa di dalam takwim peperiksaan dan arahan peperiksaan semasa
8	menanda jawapan peperiksaan mengikut skema yang dibekalkan
9	memasukkan markah peperiksaan bagi tujuan analisa dan rekod
10	merancang pengoperasian hal ehwal murid di sekolah
11	mengurus pengoperasian hal ehwal murid di sekolah
12	mengenal pasti dan menyelesaikan isu berkaitan kebajikan murid di sekolah
13	menyelia bilik khas hal ehwal murid di sekolah
14	menguruskan aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang keceriaan, kebersihan, kesihatan dan keselamatan
15	mendokumentasikan aktiviti hal ehwal murid di sekolah
16	merancang aktiviti kokurikulum sekolah
17	melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah
18	merancang aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang kokurikulum
19	menyelia bilik khas kokurikulum sekolah
20	mendokumentasikan aktiviti kokurikulum sekolah
21	menghadiri program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun
22	merekodkan kehadiran program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun di dalam Sistem SPLKPM
23	rehat selepas selesai menguruskan perkara berkaitan tugas di sekolah
24	beriadah bagi mengekalkan kecergasan diri
25	beribadah mengikut kepercayaan agama masing-masing
26	bersosial dengan komuniti tempat tinggal masing-masing
27	menguruskan rumah tangga bersama pasangan di rumah
28	menguruskan pendidikan anak-anak bersama pasangan di rumah

Jadual IV menunjukkan dapatan kajian yang terdiri daripada nilai *threshold* setiap elemen (d item), nilai *threshold* konstruk (d konstruk) dan kedudukan item berkenaan berdasarkan kesepakatan pakar.

JADUAL IV: NILAI THRESHOLD (d), PERATUSAN KESEPAKATAN PAKAR, DEFUZZIFICATION DAN RANKING ITEM BAGI ELEMEN KESEIMBANGAN MASA

Item	Defuzzification	% Item < 0.2	Keputusan
1	0.7889	100%	5
2	0.7889	100%	5
3	0.7889	100%	5
4	0.7889	100%	5
5	0.7889	100%	5
6	0.7889	100%	5
7	0.7889	100%	5
8	0.7889	100%	5
9	0.7889	100%	5
10	0.7889	100%	5
11	0.7889	100%	5
12	0.7889	100%	5
13	0.7889	100%	5
14	0.7889	100%	5
15	0.7889	100%	5
16	0.7889	100%	5
17	0.7889	100%	5
18	0.7889	100%	5
19	0.7889	100%	5
20	0.7889	100%	5
21	0.7889	100%	5
22	0.7889	100%	5
23	0.7889	100%	5
24	0.7889	100%	5
25	0.7889	100%	5
26	0.7889	100%	5
27	0.7889	100%	5
28	0.7889	100%	5

Keputusan analisis kesepakatan pakar bagi item-item elemen keseimbangan masa telah menunjukkan nilai kesepakatan yang baik. Berdasarkan jadual di atas, terdapat nilai *threshold* yang telah dihitamkan kerana melebihi nilai *threshold* 0.2 (>0.2). Nilai *threshold* yang dihitamkan menunjukkan terdapat pendapat pakar yang berbeza sekaligus tidak mencapai konsensus terhadap item tertentu. Sungguhpun begitu, nilai purata kesemua item di dalam elemen keseimbangan masa menunjukkan nilai *threshold* (d) <0.2 iaitu 0.07352. Chuan, Hsu dan Chang (2011) berpendapat sekiranya nilai purata *threshold* (d) didapati kurang daripada 0.2, item-item tersebut telah mencapai kesepakatan yang baik. Dapatan kajian pula menunjukkan semua pakar mencapai konsensus terhadap semua item di dalam elemen keseimbangan masa. Peratusan keseluruhan kesepakatan pakar pula berada pada tahap 95%. Ini menunjukkan item berkenaan memenuhi syarat kesepakatan pakar (>75%). Sementara itu, semua nilai *defuzzification Alpha-Cut* (average of fuzzy response) melebihi α -cut = 0.5. Menurut Tang & Wu (2010) dan Bodjanova (2006) nilai *alpha-cut* hendaklah melebihi 0.5 dan sekiranya kurang

daripada itu, maka item tersebut hendaklah digugurkan. Berdasarkan pernyataan di atas menunjukkan item-item di dalam elemen keseimbangan masa telah mendapat kesepakatan semua pakar di dalam penilaian item. Item-item yang disepakati melalui konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (*ranking*) seperti Jadual 5 di bawah :

JADUAL 5: KEDUDUKAN ITEM-ITEM BAGI ELEMEN KESEIMBANGAN MASA

Bil	ELEMEN KESEIMBANGAN MASA Guru memperuntukkan masa untuk :	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%)	Kesep. Pakar	Ked.
1	menyediakan RPH sebelum bermula PdPC berdasarkan tahap semasa pelajar	100	Terima	12
2	menyediakan BBM sebelum bermula PdPC berdasarkan tahap semasa pelajar	88	Terima	14
3	melaksanakan PdPC mengikut masa yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu	100	Terima	3
4	menyediakan refleksi selepas berakhir sesi PdPC	100	Terima	8
5	menyediakan set soalan ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa	100	Terima	2
6	menyediakan set skema ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa	100	Terima	3
7	mengendalikan sesi ujian/peperiksaan mengikut masa di dalam takwim peperiksaan dan arahan peperiksaan semasa	100	Terima	3
8	menanda jawapan peperiksaan mengikut skema yang dibekalkan	100	Terima	2
9	memasukkan markah peperiksaan bagi tujuan analisa dan rekod	100	Terima	1
10	merancang pengoperasian hal ehwal murid di sekolah	100	Terima	9
11	mengurus pengoperasian hal ehwal murid di sekolah	88	Terima	12
12	mengenal pasti dan menyelesaikan isu berkaitan kebajikan murid di sekolah	88	Terima	11
13	menyelia bilik khas hal ehwal murid di sekolah	77	Terima	15
14	menguruskan aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang keceriaan, kebersihan, kesihatan dan keselamatan	100	Terima	9
15	mendokumentasikan aktiviti hal ehwal murid di sekolah	88	Terima	13
16	merancang aktiviti kokurikulum sekolah	100	Terima	10
17	melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah	88	Terima	7
18	merancang aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang kokurikulum	100	Terima	10

19	menyelia bilik khas kokurikulum sekolah	77	Terima	16
20	mendokumentasikan aktiviti kokurikulum sekolah	100	Terima	14
21	menghadiri program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun	100	Terima	4
22	merekodkan kehadiran program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun di dalam Sistem SPLKPM	100	Terima	4
23	rehat selepas selesai menguruskan perkara berkaitan tugas di sekolah	100	Terima	13
24	beriadah bagi mengekalkan kecergasan diri	88	Terima	12
25	beribadah mengikut kepercayaan agama masing-masing	100	Terima	5
26	bersosial dengan komuniti tempat tinggal masing-masing	100	Terima	10
27	menguruskan rumah tangga bersama pasangan di rumah	100	Terima	5
28	menguruskan pendidikan anak-anak bersama pasangan di rumah	100	Terima	6

Setelah mencapai kesepakatan pakar bagi item-item elemen keseimbangan masa, dapatan tersebut akan disenaraikan mengikut keutamaan dalam menentukan kedudukan yang paling utama sehingga keutamaan yang paling kurang berdasarkan Jadual 6 di bawah :

JADUAL 6: KEDUDUKAN ITEM-ITEM ELEMEN KESEIMBANGAN MASA BERDASARKAN KEUTAMAAN

Susunan mengikut keutamaan	ELEMEN KESEIMBANGAN MASA Guru memperuntukkan masa untuk :	No. Item Asal
1	memasukkan markah peperiksaan bagi tujuan analisa dan rekod	9
2	menyediakan set soalan ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa menanda jawapan peperiksaan mengikut skema yang dibekalkan	5 8
3	melaksanakan PdPC mengikut masa yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu	3
4	menyediakan set skema ujian/peperiksaan mengikut takwim peperiksaan semasa mengendalikan sesi ujian/peperiksaan mengikut masa di dalam takwim peperiksaan dan arahan peperiksaan semasa	6 7
5	menghadiri program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun	21
6	merekodkan kehadiran program pembangunan profesionalisma sekurang-kurangnya 5 hari dalam setahun di dalam Sistem SPLKPM	22
7	beribadah mengikut kepercayaan agama masing-masing	25
8	menguruskan rumah tangga bersama pasangan di rumah	27
9	menguruskan pendidikan anak-anak bersama pasangan di rumah	28
10	melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah	17
11	menyediakan refleksi selepas berakhir sesi PdPC	4

9	merancang pengoperasian hal ehwal murid di sekolah	10
	menguruskan aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang keceriaan, kebersihan, kesihatan dan keselamatan	14
10	merancang aktiviti kokurikulum sekolah	16
	merancang aktiviti yang meningkatkan tahap pencapaian sekolah di bidang kokurikulum bersosial dengan komuniti tempat tinggal masing-masing	18
		26
11	mengenal pasti dan menyelesaikan isu berkaitan kebijakan murid di sekolah	12
12	menyediakan RPH sebelum bermula PdPC berdasarkan tahap semasa pelajar	1
	mengurus pengoperasian hal ehwal murid di sekolah	11
	beriadah bagi mengekalkan kecergasan diri	24
13	mendokumentasikan aktiviti hal ehwal murid di sekolah	15
	rehat selepas selesai menguruskan perkara berkaitan tugas di sekolah	23
14	menyediakan BBM sebelum bermula PdPC berdasarkan tahap semasa pelajar	2
	mendokumentasikan aktiviti kokurikulum sekolah	20
15	menyelia bilik khas hal ehwal murid di sekolah	13
16	menyelia bilik khas kokurikulum sekolah	19

VI. PERBINCANGAN

Kajian ini telah dilaksanakan dengan tujuan untuk mendapatkan kesepakatan 9 orang pakar terhadap item-item elemen keseimbangan masa. Melalui dapatan kajian, panel pakar bersetuju bahawa pengurusan keseimbangan kerja kehidupan guru sekolah menengah memerlukan semua item yang dicadangkan di dalam elemen keseimbangan masa dengan nilai *threshold* antara 0.01996 sehingga 0.13685. Nilai kesepakatan pakar terhadap item-item elemen keseimbangan masa yang diperoleh menerusi FDM pula ialah 0.07352 jauh lebih kecil daripada nilai *threshold* ($d \leq 0.2$). Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa item-item elemen keseimbangan masa ini amat signifikan dengan pengurusan keseimbangan kerja kehidupan guru sekolah menengah.

Kesemua 28 item yang diperlukan di dalam elemen keseimbangan masa telah diuji melalui borang soal selidik yang diberikan kepada pakar. Hasilnya, semua item terbabit telah diterima dan disusun mengikut senarai keutamaan (*ranking*) melalui kesepakatan pakar. Berdasarkan dapatan FDM selepas proses *defuzzification*, semua item bagi elemen keseimbangan masa yang diuji telah diterima dan melepasi syarat nilai *alpha cut* lebih besar daripada 0.5. Item yang mendapat skor tertinggi disepakati oleh pakar diletakkan dalam kedudukan pertama. Proses ini ditadbir urus kepada semua 28 item berkenaan mengikut senarai keutamaan daripada kedudukan pertama hingga kedudukan terakhir. Tuntasnya, teknik FDM ini dapat dimanfaatkan dalam pembuatan keputusan (Ding, Kou & Tai, 2019) berkaitan elemen keseimbangan masa. Selain daripada itu, FDM membantu proses kedudukan item bagi elemen keseimbangan masa mengikut urutan keutamaan.

Elemen keseimbangan masa sangat signifikan dengan pengurusan keseimbangan kerja kehidupan guru sekolah menengah di Malaysia melalui dapatan kajian yang telah diperolehi. Dapatan kajian ini juga signifikan dengan kajian-kajian terdahulu (Aisyah & Ruslan, 2020; Kurniawan &

Huda, 2021; Rahmaniah et al, 2019). Sungguhpun begitu, kajian tersebut berfokus kepada pengurusan keseimbangan kerja secara umum yang melibatkan organisasi awam dan swasta. Selain daripada itu, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa elemen keseimbangan masa merupakan salah satu indikator penting dalam perancangan pengurusan. Dapatan ini juga selari dengan pandangan pengkaji terdahulu (Marbun, 2020) yang berpendapat keseimbangan masa bersama keluarga mampu dicapai dengan mewujudkan masa berkualiti bersama keluarga seperti riadah atau program hujung minggu.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa item-item di dalam elemen keseimbangan masa yang disepakati oleh pakar mencakupi pengurusan masa semasa kerja dan masa kehidupan selepas bekerja. Kebahagiaan dan keharmonian sesebuah keluarga juga terletak kepada pengurusan yang baik dan seimbang (Ismail et al., 2022). Pandangan ini adalah selari dengan pandangan Abdullah et al., (2021) yang berpendapat pengurusan masa yang baik juga dapat mempengaruhi keseimbangan kerja kehidupan pekerja. Justeru, untuk merealisasikan pengurusan keseimbangan kerja kehidupan guru, pemimpin memainkan peranan yang sangat penting. Kajian daripada Riffay (2019) mendapati keseimbangan kehidupan kerja berhubung secara positif terhadap komitmen organisasi guru. Bagi pihak guru pula, mereka seharusnya dapat mengaktifkan diri dalam kegiatan di sekolah atau di luar waktu persekolahan selain mewujudkan hubungan interpersonal sesama rakan sejawat.

Implikasi daripada kajian ini mampu mencetuskan idea positif kepada pemimpin pendidikan terhadap pengurusan elemen keseimbangan masa yang telah disahkan oleh pakar dalam aspek pengurusan keseimbangan kerja kehidupan guru sekolah menengah di Malaysia. Segala item yang telah dikemukakan di dalam elemen keseimbangan masa merupakan asas dalam memantapkan pengurusan keseimbangan kerja kehidupan guru sekolah menengah dengan lebih baik. Abdullah et al., (2021) menjelaskan amalan keseimbangan kehidupan dan kerja perlu mendapat sokongan daripada pihak majikan. Oleh yang demikian, organisasi yang kuat dan menyokong budaya keseimbangan kerja dan kehidupan dapat meningkatkan niat pekerja untuk terus kekal berada dalam organisasi. Selain daripada itu, pemimpin sekolah atau pengurusan sumber manusia juga boleh menggunakan elemen keseimbangan masa ini sebagai asas bagi membangunkan program kesejahteraan guru sekolah menengah. Program ini boleh dicadangkan kerana terdapat perkaitan antara hubungan program kesejahteraan pekerja dengan keseimbangan kehidupan kerja dan kepuasan kerja (Riffay, 2019).

VII. KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan jelas menunjukkan para guru sekolah menengah seharusnya menguruskan keseimbangan kerja dan kehidupan mereka dengan tidak membelakangkan elemen keseimbangan masa. Sehubungan itu, semua item yang telah disepakati dan mengikut susunan keutamaan oleh pakar di dalam elemen ini diharapkan dapat menjana pengurusan keseimbangan kerja kehidupan mereka. Dapatan kajian ini berupaya menyumbang kepada keperluan para guru sekolah menengah

memahami dan mengaplikasikan pengurusan keseimbangan kerja kehidupan mereka sewaktu bekerja dan di luar kerja khususnya dalam aspek keseimbangan masa. Pengkaji juga mencadangkan agar kajian ini dijalankan dalam kalangan pemimpin sekolah bagi melihat pandangan pakar terhadap keperluan elemen keseimbangan kerja kehidupan yang diperlukan oleh mereka.

PENGAUKUAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zuraidah binti Abdullah dan Dr. Ramlan bin Mustapha di atas segala dan kerjasama yang diberikan sepanjang penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

- Abdullah, N. H., Ismail, N., & Ismail, N. (2021). Kajian Terhadap Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Kalangan Tenaga Akademik Wanita di Politeknik [A Study of the Work-Life Balance among the Female Academics at Polytechnics]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 4(1), 130-145.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7) :879 – 891
- Berliner, D. C. (2004). Describing the behaviour and documenting the accomplishments of expert teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 24(3), 200-212.
- Cavalli-Sforza, V., & Ortolano, L. (1984). Delphi forecasts of land use: Transportation interactions. *Journal of transportation engineering*, 110(3), 324-339.
- Cheng, C.H. & Lin, Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using Fuzzy decision Theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research*, 142 (1): 74- 86
- Chu, H.C. & Hwang, G.J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications*; 34:28. Pg. 26-40.
- Greenhaus, J. H., & Powell, G. N. (2006). When work and family are allies: A theory of work-family enrichment. *Academy of management review*, 31(1), 72-92.
- Greenhaus, J. H., & Beutell, N. J. (1985). Sources of conflict between work and family roles. *Academy of Management Review*, 10(1), 76-88.
- Greenhaus, J. H., & Powell, G. N. . (2003). When work and family collide: Deciding between competing role demands. *Organizational behaviour and human decision processes*, 90(2), 291-303.
- Guest, D. E. (2002). Perspectives on the study of work-life balance. *Social Science Information*, 41(2), 255-279
- Hassan, K. (2020). Basic Model of Work-life Balance for Married Women Working in Public Sector in Penang, Malaysia. *Webology*, 17(2), 882-895.
- Hassan, K., Abdullah, N., & Ismail, N. A. . (2017). Work-life balance among married women working in public sector. *Journal of Governance and Development* 13(2), 199-215.
- Ismail, N. S. A., Hassan, K., & Ma'adan, M. (2022). Halangan Untuk Mencapai Keseimbangan Antara Kerjaya Dan Kehidupan Wanita Bekerja Di Sektor Awam: (Barriers to Achieving Work-Life Balance among Working Women in the Public Sector). *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 169-190.
- Jamil, M. R. M., Siraj, S., Yusof, F., Noh, N. M., Hussin, Z., & Sapar, A. A. (2015). Aplikasi teknik Fuzzy Delphi terhadap keperluan elemen keusahawanan bagi pensyarah kejuruteraan Politeknik Malaysia. *Int. J. Bus. Technopreneursh*, 5, 135-150.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan* (Vol. 3). Kementerian Pendidikan Malaysia. www.moe.gov.my/bpPdPC
- Lockwood, N. R. (2003). Work/life balance. Challenges and Solutions, *SHRM Research*, USA, 2(10).
- McKillip, J. (1987). Need analysis: Tools for the human service and education. *Applied Social Research Methods Series*.
- Mehat, N., Abdullah, N., & Hassan, K. (2021). Hubungan antara beban tugas dan tahap kesejahteraan guru wanita. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Science Research*, 6(1), 112-123.
- Othman, M. K. H., Yaakob, M. F. M., Zakaria, N., & Abdullah, S. Pengesahan Pakar Bagi Konstruksi As-Syaja'ah Dalam Instrumen Kemenjadian Murid Sekolah Menengah. *IJEPC 2022*, 313-326.
- Ramakrishnan, K., & Amir, D. R. (2019). Tahap Serta Faktor-Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Tamil. *ICBEST 2019*, 540.
- Riffay, A. (2019). Pengaruh keseimbangan kehidupan kerja (work life balance) dan kepuasan kerja terhadap komitmen organisasi guru sd negeri di kecamatan kota masohi. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 5(3), 39-47.
- Saad, N. M., & Daud, Y. (2018). The Level of Role Conflict Among Secondary School Leaders in Kelantan: Tahap Konflik Peranan Pemimpin Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan. *Educational Leader (Pemimpin Pendidikan)*, 6, 125-139.
- Tang, C.W. and Wu, C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university, *Springer. Higher Education*, 60 (3): 269-286.
- Zafarullah Sahito, & Pertti Vaisanen. (2017). Factors Affecting Job Satisfaction of Teacher Educators: Empirical Evidence from the Universities of Sindh Province of Pakistan. *Journal of Teacher Education and Educators*, 6(1), 5-30.